

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : UNDIAN FINAL	
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018	MUKA SURAT : 1/3

BIL	PERKARA	MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK	RUJUKAN
1.	Takrifan	<p>1.1 Kontraktor bangunan / awam dan kontraktor elektrik Gred G1 adalah kontraktor yang boleh dilantik bagi perolehan yang bernilai melebihi RM20,000 hingga RM50,000. Kontraktor Gred G1 hendaklah mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) di bawah kepala dan sub kepala yang berkaitan dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam gred dan kategori yang berkaitan, mempunyai sijil Taraf Bumiputera (STB) yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU).</p>	
2.	Syarat kelayakan undian	<p>2.1 Perolehan kerja-kerja kecil atau pembaikan yang tidak mengubah struktur asal dengan menggunakan Jadual Kadar Kerja yang dianggarkan bernilai melebihi RM20,000 hingga RM50,000. Pemilihan kontraktor hendaklah dibuat secara adil melalui undian atau pusingan di kalangan kontraktor Gred G1.</p> <p>2.3 Kontraktor yang sedang melaksanakan kerja-kerja yang diperolehi melalui undian sebelum ini tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam undian berikutnya sehingga kerja-kerja tersebut disiapkan dengan sempurna dalam tempoh yang ditetapkan.</p>	
3.	Sebelum Hari Pengundian	<p>3.1 Sebelum melaksanakan perolehan kerja secara undi, kelulusan daripada pejabat yang memegang peruntukan adalah diperlukan.</p> <p>3.2 Setelah kelulusan diperolehi, skop kerja-kerja undi perlu ditetapkan bersama dengan kos kerja-kerja tersebut berdasarkan kepada Jadual Kadar Kerja atau berdasarkan kepada harga pasaran semasa.</p> <p>3.3 Notis kerja-kerja undi hendaklah ditampal pada papan kenyataan pejabat atau di dalam portal.</p>	Lampiran 1
4.	Semasa Hari Pengundian	<p>4.1 Kontraktor hendaklah menunjukkan Kad Pengenalan, sijil asal SPKK dan CIDB yang masih sah laku.</p> <p>4.2 Hanya kontraktor yang berdaftar di bawah kepala dan sub kepala yang berkaitan sahaja dibenarkan untuk didaftarkan di dalam Buku Pendaftaran Kehadiran.</p> <p>4.3 Kontraktor yang tiba selepas waktu yang ditetapkan tidak akan dibenarkan mendaftar.</p>	

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : UNDIAN FINAL	
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018	MUKA SURAT : 2/3

BIL	PERKARA	MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK	RUJUKAN
5.	Selepas pengundian	<p>4.4 Hanya pegawai syarikat yang ditauliahkan seperti dalam sijil SPKK sahaja dibenarkan untuk mengambil bahagian di dalam undian pada hari berkenaan sebagai wakil sah kontraktor.</p> <p>4.5 Pendaftaran kontraktor adalah mengikut kaedah siapa dahulu didahulukan.</p> <p>4.6 Kertas undi hendaklah dimasukkan ke dalam peti undi lutsinar.</p> <p>4.7 Proses undian hendaklah dibuat di hadapan semua kontraktor yang hadir mengikut turutan kerja yang telah dinyatakan dalam Notis kerja-kerja undi.</p> <p>4.8 Cabutan kertas undi akan dibuat oleh pegawai yang dilantik tanpa melihat ke dalam peti undi.</p> <p>4.9 Nama kontraktor yang berjaya bagi kerja undi yang pertama akan direkodkan. Proses undi diteruskan dan berulang sehingga semua kerja undi selesai dibuat cabutan.</p> <p>5.1 Borang B, BQ (Butiran Kerja Jadual Kerja) dan Inden kerja hendaklah dikeluarkan pada hari pengundian kepada kontraktor-kontraktor yang berjaya.</p> <p>5.2 Kontraktor yang berjaya mesti memulakan kerja dalam tempoh 2 minggu dari tarikh inden kerja dan menyiapkan kerja tersebut dalam tempoh yang dinyatakan dalam inden kerja.</p> <p>5.3 Sekiranya kontraktor gagal memulakan kerja atau gagal menyiapkan kerja dalam tempoh tersebut, pegawai inden boleh membatalkan inden tersebut dan tindakan menyenaraihitamkan kontraktor tersebut daripada memasuki kerja-kerja undi berikut boleh dibuat.</p>	Lampiran 2
6.	Buku Rekod Undi	<p>6.1 Buku Rekod Undi hendaklah direkod dan dikemaskini semasa proses undian dilaksanakan.</p> <p>6.2 Maklumat yang perlu direkod di dalam Buku Rekod Undi adalah seperti berikut:</p>	

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : UNDIAN FINAL	
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018	MUKA SURAT : 3/3

BIL	PERKARA	MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK	RUJUKAN
7.	Peranan dan Tanggungjawab Pejabat Pembayar	<ul style="list-style-type: none">i. senarai kehadiran pada hari pengundian;ii. senarai kerja-kerja yang ditawarkan dalam proses undian tersebut; daniii. senarai nama kontraktor yang berjaya mengikut kerja yang diperolehi beserta harga yang telah dipersetujui bagi semua kerja-kerja yang ditawarkan dalam undian tersebut. <p>7.1 Sebelum sesuatu pembayaran dibuat, dokumen-dokumen seperti berikut hendaklah dikemukakan:</p> <ul style="list-style-type: none">i. bil / inouis diperakui (ditandatangani dan dicop oleh pegawai yang diberi kuasa);ii. Borang perjanjian Inden Kerja (J.K.R. 58) dan Borang Pengesahan Penyiapan Inden Kerja (J.K.R. 58A) adalah lengkap ditandatangani;iii. Salinan maklumat akaun bank yang diakui sah; daniv. Sijil Pendaftaran CIDB / SPKK / STB yang masih berkuatkuasa.	<p>Lampiran 3</p> <p>Lampiran 4</p>